

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN SENI KHAT SERAMIK
PERINGKAT KEBANGSAAN
Lokasi : PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR
Tarikh : 05-08-1994

Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya maka dapat kita bersama-sama hadir di majlis yang penuh bermakna ini.

2. Di hari yang berkat ini juga, saya berbesar hati kerana diberi peluang untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Seni Khat Peringkat Kebangsaan.

3. Kejayaan sesebuah negara tidak seharusnya dilihat daripada sudut kemajuan material dan fizikalnya sahaja tetapi yang lebih penting ialah kemajuan bangsa itu diukur daripada kemampuannya memelihara dan mengamalkan nilai-nilai mulia serta tatasusila dan moral yang tinggi.

4. Sesuatu tamadun bangsa itu akan musnah jika kehidupan masyarakatnya dicemari oleh segala gejala yang buruk seperti bersikap 'individualistic', hidup tanpa batasan, mementingkan kebendaan dan keseronokan yang boleh meruntuhkan moral dan peradaban hidup bermasyarakat. Islam membina kehidupan masyarakatnya secara yang teratur dan meningkatkan ikatan ukhwah yang kukuh di antara satu individu dengan individu yang lain. Dengan itu antara kita akan boleh saling nasihat menasihati dan menjadi pelindung antara satu sama lain.

5. Percetusan gaya hidup yang kembali kepada asas ataupun 'back to basics' dan pengukuhan institusi kekeluargaan dengan ditunjangi oleh nilai-nilai dan amalan keagamaan yang murni perlu diketengahkan. Kehidupan masyarakat moden masa kini yang sibuk dengan urusan pekerjaan harian dan kurang memberi tumpuan kepada kehidupan kekeluargaan telah sedikit sebanyak turut menjejaskan pembentukan generasi pelapis.

Selain daripada itu, kurangnya pendidikan agama turut menyebabkan masalah keruntuhan moral berleluasa di dalam masyarakat kita sekarang.

6. Justeru itu kesedaran mengenai pentingnya pendidikan dan penerapan nilai-nilai kehidupan yang berlandaskan agama hendaklah ditingkatkan. Pendekatan yang betul dalam kita mengharungi hidup ini amatlah penting kerana ia akan menjadi asas kepada pembentukan dan pembangunan negara dan seterusnya untuk melahirkan masyarakat yang unggul, sihat dan berjaya.

7. Dalam kehidupan kita seharian, kita tidak terpisah daripada menikmati keindahan alam ciptaan Tuhan. Begitu juga dalam menikmati kesenangan hidup di dunia, kita tidak terlepas daripada menghargai keindahan kesenian ciptaan manusia.

8. Kesenian memang diberikan perhatian dan digalakkan di dalam Islam. Banyak sekali seni yang indah yang dicipta oleh manusia. Salah satu daripadanya ialah seni khat.

Kesenian khat mempunyai nilainya yang tersendiri yang menggabungkan unsur-unsur kesabaran, ketekunan dan ketelitian. Kesenian khat adalah gambaran betapa tingginya tamadun bangsa itu.

9. Oleh yang demikian, penganjuran Pertandingan Seni Khat Peringkat Kebangsaan ini adalah satu usaha yang baik lebih-lebih lagi ianya diadakan bersempena dengan Festival Tamadun Islam Sedunia 1994 yang sedang berlangsung. Saya difahamkan bahawa antara tujuan penganjuran pertandingan ini ialah untuk memperkembangkan seni khat Islam yang telah menjadi satu unsur peradaban dan tamadun Islam sejak lebih daripada seribu tahun yang lalu.

10. Saya percaya pertandingan seumpama ini akan mampu untuk menjadi wadah mendekatkan lagi

umat Islam terhadap keindahan seni khat Islam dan apa yang lebih penting lagi ialah ia diharapkan akan menjadi titik tolak dan penggalak kepada penyebaran tulisan Jawi di kalangan masyarakat. Di samping itu, ianya juga akan dapat memberi peluang kepada masyarakat bukan Islam melihat dengan lebih dekat lagi hasil-hasil kesenian Islam. Pertandingan seperti ini bolehlah dikatakan sebagai satu perhimpunan tidak rasmi di kalangan penulis dan penggemar-penggemar seni khat dari seluruh negara yang mana peluang seperti ini amat jarang sekali diperolehi.

11. Sesuatu yang unik mengenai pertandingan ini ialah penggunaan seramik sebagai media penulisan khat. Ini adalah merupakan suatu perkara yang baru dan saya kira ini pasti mampu menarik minat masyarakat untuk mendekati diri dengan dunia kesenian khat. Syabas dan tahniah diucapkan kepada penganjur pertandingan ini iaitu Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor dan Urusetia Festival Tamadun Islam Sedunia 1994.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan merakamkan sekalung tahniah kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor serta Urusetia Festival Tamadun Islam Sedunia 1994 selaku penganjur bersama Pertandingan Seni Khat Seramik Peringkat Kebangsaan ini, kerana mengadakan pertandingan sebegini meriah.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

***** *